

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Sunday, 21 May, 2017 1:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SECRET RECIPE SAMBUTAN DAN HOSPITALITI



21 MEI 2017 / 24 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SECRET RECIPE SAMBUTAN DAN HOSPITALITI



ANJUNG TAMU ONLINE: Latihan sambutan, hospitaliti, perhubungan awam, protocol, pengurusan acara dan sebagainya pada setiap hari Selasa kepada bakal graduan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM), UUM oleh *Welcome Centre* berjalan dengan lancar.

Sektor hospitaliti adalah bidang yang seolah-olah kalis daripada masalah pengangguran kerana didapati terus mampu menyediakan peluang kerjaya kepada graduan bidang berkenaan.

Di Malaysia, ianya terus berkembang dan disebabkan itu kursus berkaitan hospitaliti yang ditawarkan oleh STHEM mendapat sambutan amat menggalakkan.

Bahkan bidang hospitaliti menjanjikan peluang kerjaya yang cerah, ditokok tambah resipi untuk menyambut tetamu dan bagaimana memberi hospitaliti terbaik kepada tetamu telah diadun dan diserasikan secara langsung oleh *Welcome Centre* kepada 7 pelajar yang mengikuti latihan.

“Belajar cara untuk berkomunikasi dengan lebih baik sebagai *front line*, perhubungan awam serta mengetahui tatacara melayan tetamu domestik dan antarabangsa,” kata mereka. Resipi yang paling utama ialah senyum sebagai pembawa rezeki.

Tiga daripada pelajar tersebut berasal dari Johor, Farah Nadia Mohamad Nizam, Nurul Aqilah Hairul Azhar, Nurul Fatin Rozuki manakala dua dari Kedah, Amira Zaid dan Nurul Nabilah Mohd. Nazri. Sementara itu, Fe Lynn dari Selangor serta Fu Yang Yang dari China. Masing-masing cenderung kepada *Tourism Management - Tour Operation Management* di bawah pengajaran pensyarah STHM, Dr. Nor Ashikin Mohd. Nor.

Umum mengetahui, lapangan hospitaliti atau perhotelan antara sektor yang telah berkembang pesat di negara ini. Selain itu, tenaga kerja mahir sentiasa diperlukan dari masa ke masa untuk mengisi peluang pekerjaan yang terbuka luas dalam bidang perhotelan, pelancongan, pemakanan, dan sebagainya.

Di samping itu, mereka juga mampu berdaya saing apabila menceburi bidang perniagaan, keusahawanan makanan atau restoran serta menarik pelancong ke Malaysia.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.